

Rujukan Iklan	:	Bilangan 8 Tahun 2022
Tarikh Siaran	:	25 Ogos 2022 hingga 30 Ogos 2022

IKLAN JAWATAN

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) merupakan sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012 (Akta 748) dan merupakan salah satu agensi Badan Berkanun di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon yang mempunyai kelayakan dalam bidang yang berkaitan (rujuk jadual di bawah) dan mempunyai ciri-ciri pekerja 'multi-tasking' serta berkeupayaan bekerja dalam satu pasukan dengan pengawasan minimum.

JAWATAN & GRED : **PEMBANTU PENYELIDIK GRED Q19**

TARAF JAWATAN : **KONTRAK**

BIL. KEKOSONGAN : **SATU (1)**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN**

KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**

JADUAL GAJI DAN KADAR KENAIKAN TAHUNAN (KGT) :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KGT
RM1,355.00	RM4,007.00	RM100.00

SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
[Gaji permulaan ialah pada Gred Q19 : RM1,355.00]; atau
 - ii. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
[Gaji permulaan ialah pada Gred Q19 : RM1,355.40]; atau
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan ialah pada Gred Q19: RM1,411.10]; atau
 - iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan ialah pada Gred Q29: RM1,467.80]

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU : Calon bagi lantikan ini hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN Keutamaan adalah bagi calon-calon yang boelh berkomunikasi dalam bahasa cina.

PENEMPATAN : Pusat Penyelidikan Perubahan Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya (RUBC)

RINGKASAN TUGAS : Membantu melakukan kajian penyelidikan dalam kegiatan dan projek-projek penyelidikan, penyimpanan dan mengemaskini inventori berkenaan sebarang projek serta menolong dalam proses persampelan di dalam dan luar makmal.

JAWATAN & GRED : **PEGAWAI KONTRAK PROJEK (SETARA GRED Q19)**

TARAF JAWATAN : **KONTRAK PROJEK**

BIL. : **SATU (1)**

KEKOSONGAN KLASIFIKASI : **PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN**

KUMPULAN : **PELAKSANA**

JADUAL GAJI DAN KADAR KENAIKAN TAHUNAN

GRED	UPAH	INSENTIF
Q19	RM 1,355.00	RM 572.00

SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - ii. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

RINGKASAN TUGAS : ➤ Membantu melakukan kajian penyelidikan dalam kegiatan dan projek-projek penyelidikan, penyimpanan dan mengemaskini inventori berkenaan sebarang projek serta menolong dalam proses persampelan di dalam dan luar makmal.

1. Pemohon hendaklah mengisi borang **Permohonan Jawatan Kosong MIROS** yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang www.miros.gov.my atau <http://iso.miros.gov.my/isov6/Utama.htm>
2. Sila sertakan bersama dokumen dan salinan sijil seperti berikut:
 - (a) Resume lengkap dan senarai tugas terkini (jika bekerja);
 - (b) Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran;
 - (c) Sijil Kelulusan Persekolahan: SPM/SPM(V)/STPM dan Sijil yang membuktikan kelulusan Bahasa Melayu setaraf kelulusan SPM (jika berkenaan);
 - (d) Ijazah/Diploma dan transkrip/surat pengesahan kelulusan peperiksaan akhir dari pusat-pusat pengajian tinggi;
 - (e) Sijil-sijil lain yang ada berkaitan dengan jawatan seperti Sijil Malaysian University English Test (MUET), sijil pendaftaran penuh dengan lembaga ikhtisas atau kelulusan-kelulusan lain;
3. Salinan sijil-sijil penghargaan/penyertaan kegiatan luar atau ko-kurikulum TIDAK PERLU disertakan semasa permohonan. Pemohon hanya perlu mengemukakan sijil-sijil berkenaan apabila telah disenarai pendek untuk menghadiri sesi temu duga.
4. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar melalui pos atau serahan tangan sahaja ke alamat:

**Urus Setia Pengambilan
Unit Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan,
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia,
Lot 135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral,
43000 Kajang, Selangor**

5. Tarikh tutup permohonan adalah pada **30 Ogos 2022 (Selasa) jam 5:00 petang**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup permohonan tidak akan dipertimbangkan.
6. Hanya calon-calon yang melepasi tapisan dan disenarai pendek untuk ditemuduga sahaja akan dimaklumkan sama ada melalui telefon, emel atau surat panggilan temu duga. Sekiranya tiada sebarang maklum balas diterima daripada pihak MIROS selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan, permohonan hendaklah dianggap TIDAK BERJAYA.